



**NOTIS TAWARAN PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD YANG DINAMAKAN
OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Anggota Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad yang memenuhi kriteria layak dan sesuai adalah dipelawa untuk memohon jawatan sebagai “Anggota Lembaga yang dinamakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia” seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 36(b) Undang-Undang Kecil Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad.

1. Permohonan boleh dibuat melalui Borang SKM/BP, Borang SKM/TAP/KEW, Borang SKM/ALK dan Borang SKM/AK sebagaimana GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (PINDAAN) 2012 yang boleh dimuat-turun dari laman web www.skm.gov.my
2. Pemohon juga dikehendaki mengemukakan dokumen salinan Kad Pengenalan, Sijil Ijazah/ Badan Profesional, Sijil Menghadiri Kursus Wajib, keputusan carian Kebankrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia), Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS), Laporan Kredit Koperasi/SPeKAR, Laporan Credit Bureau Bank Negara Malaysia, CTOS, SSM dan Laporan Data Pesalah Rasuah SPRM. Dokumen yang lengkap seperti di Para 1 dan 2 hendaklah dialamatkan kepada:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Changkat Semantan, Off Jalan Semantan

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

(U/p: Pengarah, Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus)

3. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
4. Permohonan yang **tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Segala perbelanjaan berkaitan dengan permohonan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
6. Tarikh tutup permohonan pada **15 September 2021 (Rabu)**.

**Timbalan Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia**